



UUM
Universiti Utara Malaysia

NEWS HIGHLIGHTS

STRAITS TIMES

Utusan
Malaysia

Kosmo!

BH

Sinar

Star

Metro

Date: 23/12/25

Page: 12

Jawatan bukan tiket UA luluskan pengajian tinggi tokoh politik

● Hakikat bahawa ramai tokoh politik daripada pelbagai parti, selain jabatan kerajaan dan agensi swasta memilih pengajian di GSGSG mencerminkan keyakinan terhadap kredibiliti akademik institusi ini

● Kepelbagaian latar belakang politik ini dengan jelas menunjukkan GSGSG bukan milik atau alat kepada mana-mana parti politik, sebaliknya institusi ilmu terbuka, inklusif dan berteraskan merit akademik



Oleh Prof Dr Rusdi Omar
bhrencana@bh.com.my

Beberapa hari lalu, Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG), Universiti Utara Malaysia (UUM) menjadi sasaran dakwaan tidak berasas mempertikaikan kualiti graduan sarjana dan doktor falsafah (PhD), khususnya membabitkan tokoh politik.

Dakwaan sedemikian bukan sahaja mengelirukan masyarakat awam, malah mencemarkan reputasi institusi akademik awam berteraskan integriti, ketelusan dan standard keilmuan tinggi.

Sebagai Dekan GSGSG, penulis memenegahkan GSGSG ialah institusi akademik menerima pelajar tanpa mengira fahaman, ideologi atau parti politik.

Kemasukan penuntut ke GSGSG adalah berdasarkan kelayakan akademik dan kepentingan ilmu, bukan pertimbangan politik. Prinsip ini selaras nilai universiti awam (UA) dan kebebasan akademik menjadi tunjang pendidikan tinggi di Malaysia.

UUM adalah UA diiktiraf, khusus dalam bidang pengurusan, pentadbiran awam, sains politik, hubungan antarabangsa dan dasar awam.

Melalui College of Law, Government and International Studies (COLGIS), GSGSG berperanan sebagai pusat penyelaras pascasiswazah sejak penubuhannya pada 2010.

GSGSG menyelaras program sarjana dan PhD ditawarkan School of Government, School of International Studies, School of Law dan sekolah berkaitan, selaras dengan piawaian Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) serta amalan universiti antarabangsa.

Hakikat bahawa ramai tokoh politik daripada pelbagai parti, selain daripada jabatan kerajaan dan agensi swasta memilih melanjutkan pengajian di GSGSG sebenarnya mencerminkan keyakinan terhadap kredibiliti akademik institusi ini.

Dalam kalangan ahli politik Barisan Nasional (BN) yang pernah mengikuti pengajian di GSGSG, termasuk Datuk Halimah Mohamed Sadique (Master of Public Administration pada 2013), Datuk Seri Noraini Ahmad dan Datuk Seri Shamsul Anuar Nasarah (PhD Development Management pada 2016).

Datuk Ismail Abd Muttalib, Datuk Ismail Mohamed Said dan Datuk Seri Wee Jek Seng, Datuk Md Alwi Che Ahmad masing-masing menamatkan PhD Development Management pada 2017, 2018, 2019 dan 2021.

Datuk Suhaili Abdul Rahman menamatkan PhD (International Studies) pada 2022, Datuk Abdul Muthalib Harun, Datuk Rosni Sohar dan Datuk Badrol Hisham Hashim masing-masing menamatkan Master of Arts (Political Science) pada 2024 serta bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyelesaikan sesi Viva Voce PhD dalam bidang Sains Politik.

Daripada PAS pula, R Summugam menyelesaikan sesi Viva Voce PhD dalam bidang Sains Politik. Bagi BERSATU, Datuk Ainin Mohd menamatkan Master of Arts (Political Science) pada 2024 dan Datuk Kamarudin Jaffar kini dalam proses menunggu sesi Viva PhD dalam bidang Sains Politik.

“Kemasukan penuntut ke GSGSG adalah berdasarkan kelayakan akademik dan kepentingan ilmu, bukan pertimbangan politik”

Daripada PAS pula, Datuk Ahmad Saad dan Razman Zakaria sedang menunggu sesi Viva bagi program PhD dan Master of Arts (Political Science).

Kepelbagaian latar belakang politik ini dengan jelas menunjukkan GSGSG bukan milik atau alat kepada mana-mana parti politik, sebaliknya institusi ilmu terbuka, inklusif dan berteraskan merit akademik.

Penyiti keperluan universiti

Berhubung dakwaan terhadap pengajian PhD Ismail Sabri, penting untuk menyatakan fakta sebenar secara jelas. Beliau mendaftar sebagai calon PhD pada 9 November 2023, menjalani kolokium pada 29 Januari 2024, seterusnya mempertahankan cadangan penyelidikan pada 13 Ogos 2024 dan akhirnya menjalani sesi Viva Voce pada 15 Disember 2025.

Ini bermakna tempoh pengajian beliau adalah lebih dua tahun, iaitu sekitar 25 bulan, selaras dengan peraturan universiti dan menafikan sepenuhnya dakwaan beliau menamatkan pengajian kurang daripada tempoh minimum ditetapkan.

Dari sudut penerbitan akademik, Ismail Sabri memenuhi sepenuhnya keperluan universiti melalui penerbitan dua artikel dalam jurnal berindeks SCOPUS bertajuk *The Impact of COVID-19 on Malaysia's Socio-Economic, Healthcare and Education Sectors: Challenges and Responses* dan *Incremental Theory in Managing COVID-19 Crisis*.

Sebagai penyelia utama, penulis menzahirkan rasa syukur dan penghargaan amat besar atas kejayaan Ismail Sabri yang lulus viva dengan pindaan kecil dan akan dikemukakan kepada pemeriksa dalaman.

Sepanjang tempoh pengajian, beliau memperlihatkan komitmen akademik tinggi, disiplin penyelidikan konsisten serta keterbukaan menerima pandangan dan kritikan ilmiah secara matang.

Tesis bertajuk 'Pengurusan Krisis dan Polisi Keselamatan Kesihatan: Strategi Malaysia Menghadapi Pandemik COVID-19' memperlihatkan kepayaan beliau menerjemahkan pengalaman dalam kepimpinan dan pentadbiran negara ke dalam kerangka akademik tersusun, berasaskan teori dan analisis berwibawa.

Tesis ini menghujahkan kejayaan Malaysia mengurus krisis pandemik COVID-19 bukan hasil satu pelan tunggal statik, sebaliknya melalui adaptasi dasar secara 'incremental' yang mengambili kira pengalaman pentadbiran, struktur institusi, budaya masyarakat dan persekitaran politik tempatan.

Tesis ini juga dinilai di Sivamamerika Berwibawa, iaitu Prof Datuk Dr P Sivamurugesu dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan Prof Madya Dr Nazariah Osman, Dekan School of International Studies, UUM. Proses penilaian ini dilaksanakan secara profesional, telus dan mematuhi standard akademik ketat.

GSGSG kekal komited melahirkan graduan pascasiswazah berfikir kritis, beretika dan berkeupayaan menyumbang secara bermakna kepada pembangunan negara, selaras dengan peranan UUM sebagai UA berteraskan kecemerlangan akademik dan kepentingan nasional.

